

10 DEC 2002

Mahathir-Persaraan

CADANGAN UMUR BERSARA KAKITANGAN AWAM 58 TAHUN DITOLAK

SHAH ALAM, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini cadangan supaya umur persaraan kakitangan awam dilanjutkan kepada 58 tahun ditolak kerana ia akan membabitkan perbelanjaan yang tinggi kepada kerajaan.

"Kita kena ukur baju ikut kemampuan kita. Kita tidak boleh belanja tanpa mengambil kira pendapatan kita. Kita boleh bagi banyak duit kepada orang, naik gaji berkali-kali tapi negara bankrap, esok jadi masalah," katanya.

Beliau berkata kerajaan sudah menimbang perkara tersebut sebelum ini dan mengambil keputusan melanjutkan umur persaraan kakitangan awam itu daripada 55 tahun kepada 56 tahun baru-baru ini.

"Itu satu tahun gaji kita bayar," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan Persidangan Buddha Sedunia ke-22 dan Persidangan Belia Buddha Sedunia ke-13 di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya mengenai cadangan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya kerajaan melanjutkan usia persaraan kakitangan sektor awam kepada 58 tahun berbanding 56 tahun sekarang.

Dr Mahathir berkata apabila seseorang kakitangan awam lambat bersara, kerajaan tidak dapat mengambil pekerja baru kerana perbelanjaan kerajaan sudah ditetapkan.

Mengenai hujah bahawa tahap kesihatan pekerja masih baik walaupun selepas umur persaraan dan mereka masih produktif, Dr Mahathir berkata kalau ada kemampuan, mereka boleh bekerja di tempat lain.

"Pencen pun dia dapat. Kalau dia terus kerja (dengan kerajaan) dia tak dapat pencen, cuma gaji sahaja. Kalau dia berniaga, dia boleh jadi lagi kaya," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengetatkan penguatkuasaan dalam menambah keefisienan kerja mengutip cukai.

"Sesetengah orang tidak menyimpan wang secukupnya untuk membayar cukai yang dikenakan kepada mereka. Kita terpaksa cari mereka, kita kena ambil tindakan terhadap mereka, sekarang kita tarik balik passport mereka supaya mereka tidak dapat melepaskan diri," katanya.

Beliau berkata lebih baik bagi mereka yang berkenaan membayar cukai itu supaya mereka dapat "tidur dengan lebih lena."

Perdana Menteri berkata demikian semasa diminta mengulas laporan sebuah akhbar hari ini bahawa jumlah kes tidak bayar cukai meningkat sehingga kini membabitkan hampir Rm1 bilion.

Ketika menjawab satu soalan lain, Dr Mahathir berkata Malaysia belum membuat sebarang keputusan mengenai penilaian semula terhadap Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Australia berkaitan usaha memerangi keganasan yang ditandatangani Ogos lepas.

Sebelum ini Perdana Menteri dengan lantang membidas kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard bahawa Australia akan melancarkan serangan terhadap pengganas di beberapa negara di Asia sebagai tindakan awal melindungi kepentingan rakyat Australia.

Semalam Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia dijangka membangkitkan isu keangkuhan Howard itu pada sebarang perbincangan terbuka termasuk Forum Serantau Asean (ARF).

-- BERNAMA

AZH SHS NMO

